

28.4.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

PELAN KONTINGENSI BEKALAN AIR PULAU PINANG: PEMBENIHAN AWAN DARI AKHIR APRIL HINGGA MEI 2020

- **Musim peralihan monsun sangat sesuai untuk mencetuskan hujan bagi mengisi semula 6 empangan utama Pulau Pinang dan Kedah.**
- **Kawasan sasaran: Tadahan Air 6 empangan dan Lembangan Sungai Muda.**
- **Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan RM300,000.00 untuk operasi pembenihan awan segera sehingga Mei 2020.**

PULAU PINANG, Selasa, 28.4.2020: Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah meluluskan pelan operasi pembenihan awan yang akan dilakukan di Pulau Pinang dan Kedah, dalam tempoh dari akhir April hingga Mei 2020.

Seramai 3.95 juta penduduk di Pulau Pinang dan Kedah memerlukan bekalan air yang berterusan kerana mereka perlu duduk di rumah dalam usaha membendung COVID-19. Walau bagaimanapun, kapasiti efektif 6 empangan utama di Pulau Pinang dan Kedah pada masa ini sangat rendah kerana hujan yang luar biasa rendah sejak separuh kedua tahun 2019:

No.	Empangan	Kapasiti Efektif %		Perbezaan%
		1.1.2020	27.4.2020	
<u>PULAU PINANG</u>				
1.	Air Itam	65.2	33.3	-31.9
2.	Teluk Bahang	41.8	20.4	-21.4
3.	Mengkuang	74.9	67.2	-7.7
<u>KEDAH</u>				
4.	Muda	31.9	5.4	-26.5
5.	Beris	92.4	41.7	-50.7

6.	Pedu	52.5	33.9	-18.6
----	------	------	------	-------

Empangan Muda dan Beris di Kedah dibina untuk melepaskan air ke Sungai Muda pada musim kemarau, sumber air mentah utama bagi Pulau Pinang dan selatan Kedah .

Sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Pada 15.4.2020, Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow mengumumkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan melaksanakan operasi pembenihan awan dan menanggung kosnya untuk menjamin bekalan air yang berterusan dan memenuhi keperluan kesihatan dan keselamatan awam untuk memerangi penularan COVID-19. Oleh itu, pada 22.4.2020 Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) mengemukakan Pelan Kontingensi Bekalan Air kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang (EXCO Negeri), yang dipengerusikan oleh Ketua Menteri Pulau Pinang.

Objektif utama adalah untuk segera melaksanakan operasi pembenihan awan dari akhir April hingga Mei untuk memastikan kecukupan air mentah untuk Pulau Pinang dan Kedah, hingga musim hujan berikutnya pada bulan Ogos 2020.

EXCO Negeri meluluskan pelan PBAPP kerana sekarang adalah musim peralihan monsun ketika adanya awan hujan. Oleh itu, kebarangkalian kejayaan mencetuskan hujan adalah lebih tinggi.

EXCO Negeri juga meluluskan peruntukan sebanyak RM300,000.00 untuk membiayai operasi pembenihan awan.

Operasi pembenihan awan akan dilakukan oleh syarikat yang disyorkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (Met Malaysia). Met Malaysia juga akan memberikan nasihat meteorologi pakar mengenai operasi pembenihan awan.

Sasaran Hasil

PBAPP mengunjurkan untuk meningkatkan kapasiti efektif Empangan Air Itam sebanyak 20%, Empangan Teluk Bahang sebanyak 15% dan

Empangan Mengkuang sebanyak 5% dari operasi pembenihan awan dan hujan peralihan monsun semasa dalam bulan April hingga Mei 2020.

Kapasiti tambahan ini diperlukan pada bulan Jun 2020 untuk memastikan kecukupan bekalan air untuk Negeri Pulau Pinang sehingga musim peralihan musim seterusnya pada bulan Ogos 2020.

Pada masa yang sama, PBAPP akan memantau dengan teliti kapasiti efektif Empangan Muda, Beris dan Pedu di Kedah serta paras air Sungai Muda.

Harus diingat bahawa objektif sekunder operasi pembenihan awan adalah untuk meningkatkan kapasiti efektif semua 6 empangan utama di Pulau Pinang dan Kedah sebanyak mungkin pada tahun 2020, sebagai persiapan untuk musim kering berikutnya pada awal 2021.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my